

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS JAMUAN MALAM MERAIKAN ROMBONGAN RIA PEMBANGUNAN
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 21-03-1994

Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan ucapan syukur alhamdulillah ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya sahaja dapat kita bertemu sekali lagi dalam keadaan aman damai dan kasih mesra.

2. Bagi pihak BAKTI dan saya sendiri, kami mengalu-alukan ketibaan Yang di Muliakan Ibu Sutrisno, Ibu-Ibu Menteri dalam RIA Pembangunan serta rombongan dan mengucapkan selamat datang ke Sri Perdana. Kunjungan Ibu-Ibu yang mulia dari Indonesia sememangnya dinantikan dan sungguhpun kunjungan ini singkat sahaja tetapi BAKTI berterima kasih kerana diberi peluang juga membalas budi baik RIA Pembangunan ketika BAKTI membuat kunjungan muhibah ke Indonesia pada tahun 1991.

3. Lawatan kunjungan muhibah seperti ini bukan sahaja dapat merapatkan tali silaturahim antara ibu-ibu kedua-dua negara tetapi memberi peluang keemasan untuk kita memahami dan menukar-menukar pandangan dan cadangan bagi sesuatu perkara yang melibatkan kaum wanita khususnya.

4. Sungguhpun Indonesia dan Malaysia berada dalam keadaan makmur tetapi permasalahan yang melibatkan kaum wanita dan muda-mudi tetap ada dan sedikit-sebanyak menjejaskan sistem sosial masyarakat, umpamanya masalah penagihan dadah, penyakit AIDS, penganiayaan isteri-isteri dan penderaan kanak-kanak.

5. BAKTI sebagai Badan Amal dan Kebajikan amat prihatin kepada masalah-masalah seumpama ini dan telah mengambil inisiatif membantu Kerajaan dengan memberi bantuan kepada badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan amal yang bertanggungjawab membela dan melindungi golongan mereka yang tidak bernasib baik seperti orang miskin, yatim, cacat dan mereka yang memerlukan rawatan perubatan atau pembedahan.

BAKTI juga tidak ketinggalan memberikan dermasiswa-dermasiswa kepada murid-murid sekolah dan pelajar-pelajar universiti-universiti di seluruh negara.

Mudahan-mudahan, dalam 17 tahun wujudnya BAKTI, BAKTI telah dapat sedikit-sebanyak membantu masyarakat yang memerlukan bantuan di seluruh negara tanpa mengira kaum atau agama.

6. Lawatan muhibah ke negara-negara jiran dan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin wanita di negara-negara yang dilawati adalah salah satu aktiviti BAKTI. Amatlah penting pemimpin-pemimpin wanita khususnya dan kaum wanita umumnya berdamping rapat untuk menjalin persahabatan dan persefahaman yang kukuh di kalangan mereka. Kami telah mengaturkan dengan seberapa boleh suatu program yang menarik bagi Ibu-Ibu yang mulia. Mungkin ianya terlalu ketat dan tidak memberi peluang kepada Ibu-Ibu beristirahat atau bebas untuk 'shopping'. Namun, saya harap Ibu-Ibu akan berasa senang dan selesa sewaktu di Kuala Lumpur.

7. Saya bagi pihak BAKTI sekali lagi mengucapkan selamat datang dan berharap kunjungan Ibu-Ibu ke Kuala Lumpur akan mendatangkan kesan-kesan yang baik yang diharapkan. Malam ini, Ibu-Ibu diminta berehat dengan ahli-ahli BAKTI dan sudilah menikmati hidangan yang disediakan sambil mendengar lagu-lagu merdu dari penyanyi terkenal tanah air, Yusni Hamid.

Sekian, wassalamualaikum.
